



**TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**

MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN

**MAJLIS PENUTUP**

**FESTIVAL BUNGA DAN TAMAN DIRAJA PUTRAJAYA 2022**

**(ROYAL FLORIA PUTRAJAYA 2022)**

**ANJUNG FLORIA PRESINT 4 PUTRAJAYA**

**SELASA 6 SEPTEMBER 2022**

**ANJUNG FLORIA PRESINT 4 PUTRAJAYA**

**9.30 PAGI**

**Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera.**

**1. Alhamdulillah, saya memanjatkan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya jua kita dapat bersama-sama hari ini pada majlis penutup Festival Bunga dan Taman Diraja Putrajaya atau singkatannya, FLORIA Diraja Putrajaya 2022.**

**2. Saya juga bersyukur FLORIA Diraja Putrajaya 2022 yang telah disempurnakan perasmianya oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong pada 29 Ogos 2022 lalu telah berlangsung dengan jayanya.**

**3. Jutaan tahniah diucapkan kepada Perbadanan Putrajaya selaku penganjur dan tidak ketinggalan juga kepada semua para peserta yang mengambil bahagian dalam festival ini.**

**4. Susulan daripada sambutan yang amat menggalakkan dan mengambil kira minggu cuti sekolah, saya telah meminta Perbadanan Putrajaya agar FLORIA Diraja Putrajaya 2022 yang sepatutnya melabuhkan tirai pada 4 Sept lepas, disambung selama dua hari lagi iaitu sehingga ke hari ini, 6 September.**

**5. FLORIA Diraja Putrajaya 2022 telah mencatatkan sejarahnya yang tersendiri dengan kemunculan beberapa ikon baharu yang bakal menjadi ciri-ciri bersinonim dengan acara ini seperti Gemerlapan FLORIA, Dinding Mural, Dinding Dekorasi Orkid, Terowong Oncidium, dan *Tribute to Frontliners*.**

**6. Kreativiti dan inovasi Taman Keluarga Malaysia yang diperkenalkan buat julung kalinya juga menarik minat rakyat untuk menghargai keindahan landskap dan alam sekitar.**

**7. Walaupun hanya lapan negara luar yang menyertai FLORIA Diraja Putrajaya 2022 ini ekoran pandemik yang masih melanda seluruh dunia, namun saya difahamkan ramai peserta luar negara telah pun menyuarakan hasrat mereka untuk menyertai penganjuran seterusnya. Ini adalah berita yang**

sangat baik dalam menyokong usaha yang diambil oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dan Perbadanan Putrajaya untuk meletakkan jenama FLORIA Diraja Putrajaya 2022 ini di peta festival taman dan bunga-bungaan sedunia.

8. Ini kerana, FLORIA Diraja Putrajaya bukan sahaja suatu pameran bunga-bungaan hidup semata-mata, malah ia merupakan satu festival yang dapat mewujudkan peluang-peluang ekonomi dan perniagaan kepada para usahawan, sekali gus merangsang pertumbuhan industri bunga-bungaan, landskap dan juga pelancongan negara.

9. FLORIA Diraja Putrajaya merupakan jenama terbaik bagi mengangkat nama Putrajaya ke pentas antarabangsa, dan terus dikenali sebagai antara lokasi penganjuran terbaik festival bunga dan taman di dunia. Jadi, amat wajarlah sekiranya festival ini diteruskan penganjurannya setiap tahun.

10. Di kesempatan ini, ingin saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat termasuklah agensi kerajaan persekutuan dan negeri, rakan-rakan pintar, badan korporat, institusi pengajian tinggi awam dan swasta, jabatan pelajaran, sekolah, syarikat swasta, badan bukan kerajaan, pihak berkuasa tempatan, peserta antarabangsa, komuniti Putrajaya dan pihak media yang telah sama-sama menceritakan FLORIA Diraja Putrajaya 2022 ini.

11. Tidak dilupakan Jawatankuasa Kerja serta semua petugas yang bertungkus lumus dalam memastikan kejayaan penganjuran festival ini. Tahniah juga diucapkan kepada para pemenang dan semua yang mengambil bahagian dalam pelbagai pertandingan yang dianjurkan.

12. Akhir kata, dengan lafaz BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM, saya dengan sukacitanya merasmikan PENUTUP FLORIA DIRAJA PUTRAJAYA 2022. Sekian, terima kasih.